

Headline	'Belanja' pengundi makan satu kesalahan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	18 Feb 2019	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	69,985
Page No	5	Readership	209,955
Language	Malay	ArticleSize	449 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 15,418
Frequency	Daily	PR Value	RM 46,254



'Belanja' pengundi makan satu kesalahan

➔ Pengerusi SPR beri reaksi selepas pengguna Twitter muat naik poster calon PH ajak hadiri majlis Santai BBQ



► Kuala Lumpur

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) mengingatkan semua calon Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Semenyih bahawa perbuatan 'membelanja' pengundi dengan memberi makan atau minum untuk meraih undi adalah satu kesalahan.

Pengerusinya, Azhar Azizan Harun, berkata tindakan itu tersenarai sebagai kesalahan *treating* atau membelanja mengikut Seksyen 8 Akta Kesalahan Pilihan Raya (1954). "Saya hendak ingatkan mengenai Seksyen 8 Akta Kesalahan Pilihan Raya (1954), iaitu kesalahan *'treating'* (belanja).

"Pemberian makanan atau minuman untuk mempengaruhi pengundi supaya mengundi atau tidak mengundi seseorang calon

adalah satu kesalahan," katanya menerusi akaun Twitter rasminya, @artharun, semalam.

Beliau memberi reaksi terhadap seorang pengguna Twitter yang memuat naik poster calon Pakatan Harapan (PH), Muhammad Aiman Zainali mengajak orang ramai menghadiri majlis 'Santai BBQ' bersamanya menerusi undangan umum.

Bagaimanapun, poster undangan yang disebarkan menerusi akaun Twitter rasmi Pejabat Timbalan Ketua AMK Malaysia (@TimbalanSetia) dipadamkan selepas Azhar membuat komen mengenainya.

Tiada permit

Akaun @TimbalanSetia kemudian memuat naik kenyataan susulan berbunyi: "Setelah mendapat gubahan dari Suruhanjaya Pilihan-



[FOTO ASYRAF HAMZAH/BH]

Program Pentas Anak Muda anjuran Pemuda PH terpaksa diberhentikan SPR berikutan ketiadaan permit di Tapak Pasar Malam Taman Jenaris, malam kelmarin.

raya @sprgovmy, aktiviti program akan dipinda dan ditukar kepada acara lain. Santai BBQ dibatalkan. Hebahkan program gantian akan menyusul."

Dalam perkembangan lain, program ceramah Pentas Anak Muda anjuran Pemuda PH di Taman Jenaris, Kajang malam kelmarin, dihentikan selepas diarah oleh wakil SPR kerana tiada permit.

Ceramah bermula jam 9.30 ma-

lam itu dijadual menampilkan beberapa pemimpin muda PH termasuk Muhammad Aiman.

Sedia makanan

Muhammad Aiman bagaimanapun tidak hadir kerana difahamkan menghadiri kenduri kahwin di kawasan lain.

Program bermula dengan ceramah Ketua Penerangan Angkatan Muda Keadilan Pulau Pinang, Fah-

mi Zainol dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) DAP Dusun Tua, Edry Faizal Eddy Yusof.

Sepasukan wakil SPR kemudian tiba dengan van tertulis 'Penguat Kuasa Pilihan Raya', mengarahkan penganjur menghentikan ceramah kerana tiada permit polis.

Program berkenaan turut menyediakan makanan dan perkhidmatan servis motosikal percuma kepada 100 pengunjung terawal.

Headline	Nik Aziz Afiq sukarela isytihar harta		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	18 Feb 2019	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	69,985
Page No	6	Readership	209,955
Language	Malay	ArticleSize	106 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,654
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,962



Nik Aziz Afiq sukarela isytihar harta

Hulu Langat: Calon Parti Sosialis Malaysia (PSM) bagi Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Semenyih, Nik Aziz Afiq Abdul, secara sukarela mengisytiharkan hartanya, semalam.

Tukang urut berusia 25 tahun itu membacakan akuan berkanun yang mengisytiharkan nilai aset bersihnya RM15,750 memabatkan wang simpanan, kereta serta pendapatannya sebagai tukang urut RM1,800 sebulan.

Beliau turut menyatakan tanggungan hutang Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) berjumlah RM19,250.

Jadi penanda aras

Nik Aziz Afiq berkata, calon lain boleh berbuat demikian bagi menjadikan PRK ini penanda aras tersendiri dalam mengangkat tahap ketelusan wakil rakyat.

“Ia juga menggambarkan tahap keikhlasan dan kejujuran mereka untuk berkhidmat kepada rakyat,” katanya.

Nik Aziz akan menentang calon Pakatan Harapan (PH), Muhammad Aiman Zainali, 30; calon Barisan Nasional (BN), Zakaria Hanafi, 58, dan calon Bebas, Kuan Chee Heng, 56, pada atau ‘Uncle Kentang’.

Mengenai cabaran debat antara calon PRK DUN Semenyih yang dijadual dianjurkan BERSIH 2.0 pada 25 Februari ini di University of Nottingham Malaysia, di sini, Nik Aziz Afiq berharap Muhammad Aiman, Zakaria dan Chee Heng menyambut program berkenaan.

Headline	Tak ambil mudah cabaran BN		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	18 Feb 2019	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	69,985
Page No	6	Readership	209,955
Language	Malay	ArticleSize	317 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 10,885
Frequency	Daily	PR Value	RM 32,655



Tak ambil mudah cabaran BN

➔ Calon PH fokus raih kepercayaan pengundi, agenda kesejahteraan rakyat

▀ **Hulu Langat**

Calon Pakatan Harapan (PH), Muhammad Aiman Zainali, 30, tidak memandang mudah cabaran Barisan Nasional (BN) menerusi calon UMNO walaupun parti lawan dilapor tidak mendapat kerjasama PAS dalam kempen Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Semenyih.

Muhammad Aiman berkata, beliau terus fokus untuk meraih kepercayaan pengundi dan pengisian kempen juga memberi tumpuan ke arah meningkatkan taraf hidup rakyat dan menyelesaikan masalah setempat yang sudah dikenal pasti.

Merujuk kenyataan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dilaporkan berkata, PAS



Muhammad Aiman ketika berkempen bertemu peniaga pasar dan pengundi di pasar pagi pekan Semenyih, semalam.



tidak akan menyokong UMNO dalam PRK DUN Semenyih, Muhammad Aiman berkata, beliau tidak mahu menyentuh isu itu, namun perkembangan berkenaan sememangnya memberi kelebihan kepada PH.

Tak mahu sentuh isu

“Kalau boleh saya memang tidak mahu menyentuh isu talak UMNO-PAS, namun jika mereka (PAS) tidak menyokong UMNO, ia memberi kelebihan kepada PH dalam kempen PRK ini. Apa pun, saya saya tak pandang rendah calon yang bertanding.

“Saya akan akan terus berusaha untuk memenangi hati rakyat kawasan ini,” katanya ketika ditemui selepas mengadakan tinjauan mesra di Pasar Semenyih di sini, semalam.

Muhammad Aiman berkata, agenda kesejahteraan rakyat akan terus menjadi keutamaannya dan berusaha menanganai masalah dihadapi penduduk tempatan jika diberi mandat sebagai wakil rakyat kawasan terbabit, 2 Mac ini.

“Saya berkempen seperti biasa dan tetap menganggap calon BN pesaing kuat,” katanya.

Headline	Penduduk terancam angkara lori muatan berat		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	18 Feb 2019	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	69,985
Page No	6	Readership	209,955
Language	Malay	ArticleSize	359 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 12,375
Frequency	Daily	PR Value	RM 37,125



Dua lori membawa muatan berselisih di jalan Sungai Lalang, Semenih.



Treler panjang keluar masuk laluan di Kampung Sungai Machang.

Penduduk terancam angkara lori muatan berat

Hulu Langat: Penduduk kampung di sepanjang Jalan Sungai Lalang, Semenih, dekat sini risau keselamatan mereka terancam berikutan kehadiran ribuan lori membawa pelbagai muatan berat.

Antara penempatan berkenaan adalah Kampung Sungai Machang, Kampung Pasir, Kampung Sungai Lalang, Kampung Sungai Pening dan Kampung Orang Asli Sungai Lalang.

Penduduk yang ditemui BH, mengaku bimbang dengan jumlah treler dan lori pasir terlalu banyak yang berulang alik di laluan ber-

kenaan, mendedahkan mereka terutama penunggang motosikal kepada risiko kemalangan.

Bawa muatan lebih had

Tinjauan di Kampung Sungai Machang, antara jam 11 pagi hingga 11.30 pagi baru-baru ini, mendapati hampir 100 treler, lori muatan berat, lori sampah dan lori pasir keluar masuk jalan dua hala itu dalam tempoh 30 minit.

Malah, ada antara lori pasir dipercayai membawa muatan melebihi had, manakala banyak lori sampah menggunakan jalan taman perumahan walaupun jelas

terpampang papan tanda melarang lori mengangkut sisa pepejal menggunakan laluan itu.

Pekebun, Jauhari Abdul Aziz, 68, berkata, pertambahan lori membawa muatan berat yang menggunakan laluan kampung itu kerana jumlah kilang semakin bertambah di sepanjang Jalan Sungai Lalang.

Katanya, penduduk kampung di sepanjang Jalan Sungai Lalang tiada laluan lain untuk ke pekan Semenih, Beranang dan Kajang, menyebabkan mereka terpaksa 'bertarung nyawa' setiap hari menggunakan laluan itu.

"Sudahlah lori yang banyak ini menyebabkan laluan sentiasa berdebu, muatan dibawa pula berlebihan hingga pasir, batu dan sampah kerap jatuh ke jalan. Lori besar dan treler ini juga menyebabkan jalan sesak, selain ada yang dipandu laju," katanya.

Penduduk Kampung Sungai Machang, Nasarudin Mohd Nazil, 51, berkata jumlah lori membawa muatan berat yang terlalu banyak, dipercayai punca paip air bawah tanah kerap pecah hingga mengganggu bekalan air penduduk.

"Lori besar yang berselisih juga mengancam penduduk, rumah

dan kedai di pinggir jalan, selain kerap berlaku kemalangan, sama ada membabitkan lori atau kenderaan lain di persimpangan jalan," katanya yang bekerja sendiri.

Pekerja kedai, Aznan Hashim, 50, menceritakan pengalamannya kemalangan di simpang empat di Kampung Sungai Machang, disebabkan kesesakan berpunca daripada lori bawa muatan berat.

"Kejadian itu ketika saya mahu pergi bekerja apabila sebuah kereta tiba-tiba keluar dari simpang empat yang agak sesak dan saya terus merempuh kenderaan itu sehingga kaki patah," katanya.

Headline	Sampai bila 3 sen? - PM		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	18 Feb 2019	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	112,050
Page No	1T03	Readership	336,150
Language	Malay	ArticleSize	689 cm ²
Journalist	AZRUL HAKIMIE ANUER	AdValue	RM 13,618
Frequency	Daily	PR Value	RM 40,853



SAMPAI BILA 3 SEN?

Jual air mentah kepada Singapura

>> Tun Dr. Mahathir Mohamad mempersoalkan sampai bila Malaysia harus jual air mentah 3 sen bagi setiap 1,000 gelen kepada Singapura.

>> Kadar yang dimeterai melalui Perjanjian Air 1962 itu tidak lagi munasabah.

>> Kementerian Luar akan bincang tentukan harga baharu.

"Sepatutnya harga sesuatu barang itu mengikut keadaan semasa, hari ini kita tidak bercakap pasal *millionaire* lagi tetapi *billionaire* kerana pendapatan manusia sudah meningkat lebih tinggi."

DR. MAHATHIR MOHAMAD

BERITA DI MUKA 2 & 3

Headline	Sampai bila 3 sen? - PM		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	18 Feb 2019	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	112,050
Page No	1T03	Readership	336,150
Language	Malay	ArticleSize	689 cm ²
Journalist	AZRUL HAKIMIE ANUER	AdValue	RM 13,618
Frequency	Daily	PR Value	RM 40,853

MAHATHIR MOHAMAD bersama Amirudin Shari, Zuraida Kamaruddin, Dr. Dzulkefly Ahmad dan Gobind Singh Deo menunjukkan buku Dasar Komuniti Negara dalam majlis pelancarannya di Padang Awam, Taman Puchong Indah, Puchong, Selangor, semalam. - UTUSAN/MOHD. NAJIB MOHD. NOR



Harga 1,000 liter air kepada Singapura tidak munasabah

Sampai bila 3 sen? - PM

Oleh **AZRUL HAKIMIE ANUER**
 pengarang@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 17 FEB.**

TUN Dr. Mahathir Mohamad mempersoalkan sampai bila harga air mentah yang dijual kepada negara jiran, Singapura, perlu berada pada kadar begitu murah.

Perdana Menteri menyifatkan harga tiga sen bagi setiap 1,000

gelen air mentah yang termeterai melalui Perjanjian Air 1962 itu sebagai tidak munasabah.

Tegasnya, apakah Malaysia perlu menunggu satu milenium atau 1,000 tahun lagi untuk melihat harga tersebut akan disemak semula.

“Pada masa itu satu sen boleh beli banyak barang, itu yang saya cerita, jadi waktu ini satu sen tak boleh beli apa, tiga sen pun tak boleh beli apa.

“Sepatutnya harga sesuatu barang itu mengikut keadaan semasa, hari ini kita tidak bercakap pasal *millionaire* lagi tetapi *billionaire* kerana pendapatan manusia sudah meningkat lebih tinggi,” katanya. Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas merasmikan majlis Pelancaran Dasar Komuniti Negara di sini hari ini.

Pada Ogos tahun lalu, Dr. Mahathir membangkitkan se-

Headline	Sampai bila 3 sen? - PM		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	18 Feb 2019	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	112,050
Page No	1T03	Readership	336,150
Language	Malay	ArticleSize	689 cm ²
Journalist	AZRUL HAKIMIE ANUER	AdValue	RM 13,618
Frequency	Daily	PR Value	RM 40,853



mula hasratnya menaikkan harga air yang dijual kepada Singapura sebanyak 10 kali ganda daripada kadar semasa.

Namun, kenyataan itu menerima reaksi negatif daripada Menteri Hal Ehwal Luar Singapura, Dr. Vivian Balakrishnan yang bertegas mahu Malaysia menghormati terma-terma yang telah dipersetujui dalam Perjanjian Air Sungai Johor 1962.

Mengulas lanjut, Dr Mahathir berkata, perbincangan lanjut dengan Singapura berhubung isu tersebut kini giat dijalankan di bawah kelolaan Kementerian Luar.

“Kita sedang berusaha dan kita tentukan kumpulan kita ini termasuk pegawai-pegawai dari Johor tetapi yang akan mengetahui kumpulan kita ini adalah Menteri Luar, Datuk Saifuddin Abdullah,” katanya.

Headline	`Hanya nyatakan yang sebenar`		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	18 Feb 2019	Color	Black/white
Section	Dlm Negeri	Circulation	112,050
Page No	3	Readership	336,150
Language	Malay	ArticleSize	161 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,098
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,294



'Hanya nyatakan yang sebenar'

KUALA LUMPUR 17 Feb. - Tun Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, beliau hanya menyatakan perkara sebenarnya berlaku berhubung dakwaan Pas tidak akan menyokong UMNO dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Semenyih.

Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) itu mendakwa, sebab utama Pas tidak menyokong UMNO kali ini adalah kerana calon yang ditentang bukan dari parti DAP seperti mana berlaku di Cameron Highlands.

Bagaimanapun, Dr. Mahathir menegaskan, pemimpin tersebut tidak berhasrat mengisytiharkan perkara itu dan mereka juga memaklumkan tidak akan turun berkempen untuk calon UMNO kali ini.

"Tetapi apabila saya dengar penafian terpaksa saya sebutkan perkara yang sebenarnya berlaku, pengakuan mereka bahawa kali ini mereka tidak akan sokong UMNO tetapi mereka tidak menyebut nak menyokong Bersatu ataupun tidak, nak sokong PH (Pakatan Harapan) atau pun tidak.

"Mereka cadang untuk membuat surat bertulis yang ditandatangani oleh mereka sebagai pengakuan, tetapi mereka memberi contoh yang ditandatangani oleh Takiyuddin (Hassan) sahaja.

"Satu surat ada kepada saya tapi surat daripada (Datuk Seri Abdul) Hadi dan Menteri Besar (Terengganu) tiada," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas merasmikan majlis Pelancaran Dasar Komuniti Negara di sini hari ini.

Semalam, Dr. Mahathir mendakwa, Pas tidak akan menyokong UMNO dalam PRK DUN Semenyih dan menambah, ia turut dilengkapi dengan pengakuan secara bertulis dan ditandatangani.

Sementara itu, Dr. Mahathir berkata, dalam pertemuan di pejabat Yayasan Al-Bukhary kelmarin, Pas ada meminta supaya wakil mereka ditempatkan dalam agensi-agensi yang meluluskan perancangan pembangunan negeri.

"Kita ada negeri-negeri tertentu yang mana tiada wakil daripada PH kita minta supaya mereka diberi tempat, sebaliknya mereka juga meminta dalam agensi-agensi yang mana kerajaan negeri tidak diberi tempat patut kita beri tempat kepada mereka," katanya.

Headline	PH janji setiap ceramah ada permit		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	18 Feb 2019	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	112,050
Page No	8	Readership	336,150
Language	Malay	ArticleSize	209 cm ²
Journalist	Azman Ibrahim	AdValue	RM 4,131
Frequency	Daily	PR Value	RM 12,392



PH janji setiap ceramah ada permit

Oleh **AZMAN IBRAHIM**
 pengarang@utusan.com.my

■ HULU LANGAT 17 FEB.

PAKATAN Harapan (PH) berjanji akan memastikan setiap ceramah sempena Pilihan Raya Kecil Dewan Undangan Negeri Semenyih akan mempunyai permit polis.

Calonnya, Muhammad Aiman Zainali berkata, beliau akan memeriksa program-program yang akan dijalankan selepas ini.

"Memang saya akan periksa juga. Kita tahu hal itu. Itu hal penganjur. Mana yang jemput kita, saya akan pergi," katanya kepada pemberita selepas melawat Pasar Pagi Pekan Semenyih dekat sini hari ini.

Muhammad Aiman berkata demikian bagi mengulas isu



EDRY FAIZAL



FAHMI ZAINOL

kempen ceramah pertamanya di tapak pasar malam Taman Jenaris, Kajang semalam yang terpaksa dihentikan berikutan tidak mempunyai permit polis.

Muhammad Aiman yang dijadualkan sebagai penceramah terakhir dalam program tersebut difahamkan bagaimanapun tidak dapat hadir kerana mempunyai urusan lain.

Arahan untuk menghentikan ceramah berkenaan di-

keluarkan penguat kuasa Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sebaik sahaja dua penceramah selesai memberikan ucapan masing-masing.

Penceramah tersebut ialah Ketua Penerangan Pemuda PKR Pulau Pinang, Fahmi Zainol dan Ahli Dewan Undangan Nege-

ri (ADUN) Dusun Tua, Edry Faizal.

Ditanya sambutan orang ramai terhadap PH, Muhammad Aiman berkata, beliau percaya sokongan sehingga kini masih memihak kepada PH.

"Kawasan ini dari saya kecil, saya selalu jalan sini. Banyak juga anak-anak penduduk di sini saya kenal. Kita harap penduduk mengundi kita," ujarnya.

Headline	Dakwaan Dr. Mahathir beri kelebihan kepada calon PSM		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	18 Feb 2019	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	112,050
Page No	8	Readership	336,150
Language	Malay	ArticleSize	268 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,297
Frequency	Daily	PR Value	RM 15,891



Dakwaan Dr. Mahathir beri kelebihan kepada calon PSM

HULU LANGAT 17 Feb. - Dakwaan Pengerusi Pakatan Harapan (PH), Tun Dr. Mahathir Mohamad bahawa Pas tidak akan menyokong UMNO dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Semenyih mampu memberikan kelebihan kepada satu lagi parti yang bertanding iaitu Parti Sosialis Malaysia (PSM).

Calon PSM bagi PRK Semenyih, Nik Aziz Afiq Abdul berkata, dakwaan tersebut berkemungkinan akan mendorong serta menyebabkan penyokong Pas yang berada di Semenyih memberikan undi kepadanya.

"Penyokong-penyokong Pas ini ada masalah dengan parti-parti dalam PH malah ketika ini kita tidak tahu pula bagaimana hubungan mereka dengan UMNO, jadi saya merupakan calon terbaik.

"Saya lihat ini merupakan satu kelebihan oleh itu saya berharap ahli-ahli Pas dapat fahami perjuangan saya sekali gus dapat memberikan sokongan kepada PSM," katanya kepada pemberita selepas membuat akuan berkanun mengisytiharkan harta di sini hari ini.

Semalam, Dr. Mahathir mendakwa terdapat pengakuan se-



MUHAMMAD AIMAN ZAINALI (kiri) bertemu dengan Nik Aziz Afiq Abdul dalam kempen Pilihan Raya Kecil Dewan Undangan Negeri Semenyih di Pasar Pagi Semenyih, Hulu Langat, Selangor, semalam.

cara bertulis dalam pertemuannya dengan Datuk Seri Abdul Hadi Awang di ibu negara kelmarin bahawa Pas tidak akan menyokong UMNO dalam PRK itu.

Sementara itu, jelas Nik Aziz Afiq, tujuannya mengisytiharkan harta kepada orang awam adalah bagi menunjukkan PSM tidak akan bertoleransi dengan rasuah serta tidak akan menggunakan kedudukan sebagai ahli politik untuk kepentingan diri dan keluarga.

"Oleh itu, saya juga berharap sempena Malaysia baharu, langkah mengisytiharkan harta ini dapat diikuti tiga calon lain yang bertanding kerana amat baik untuk penduduk di Semenyih.

"Kita mesti sama-sama naikan tahap politik di negara ini ke arah yang lebih tinggi dan perlu dimulakan di Semenyih. Saya menyerahkan kepada rakyat menilai sekiranya tiga calon yang lain tidak mahu mengisytiharkan harta mereka," katanya.

Headline	Misi calon tawan hati pengundi Semenyih		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	18 Feb 2019	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	112,050
Page No	8	Readership	336,150
Language	Malay	ArticleSize	217 cm ²
Journalist	MUHAMMAD HASIF IDRIS	AdValue	RM 4,289
Frequency	Daily	PR Value	RM 12,867



ANALISIS

Oleh MUHAMMAD HASIF IDRIS

Misi calon tawan hati pengundi Semenyih

GELANGGANG Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Semenyih kembali bergegar dengan isu Pas 'talak' UMNO.

Mungkin ada dalam kalangan pengundi Pas tidak akan memangkah calon Barisan Nasional (BN), Zakaria Hanafi kerana dendam kesumat dan rasa 'teraniaya' terhadap BN masih menebal dalam diri atau lebih tragis tidak akan turun mengundi.

BN mahu bawa isu setempat, soalnya adakah penduduk Semenyih peduli akan hal itu? Ini kerana bagi mereka kebajikan di Selangor berjaya mengatasi masalah mereka, kalau setakat jalan tidak berturap, paip air bocor itu adalah masalah 'biasa' yang boleh diselesaikan segera.

Pengundi di Selangor ingin melihat perkara lebih menjamin masa depan. Contohnya, Pinjaman Pelajaran Selangor yang diperkenalkan sewaktu Pakatan Rakyat (kini Pakatan Harapan) mula mengambil alih negeri itu 10 tahun lalu boleh diiktiraf terbaik apabila tidak mengenakan sebarang faedah.

DUN Semenyih yang mempunyai 23 kawasan seperti Kampung Sesapan Batu dan Bandar Tasik Kesuma merekodkan peratusan pengundi Melayu seramai 69.2 peratus, manakala Cina (16.8 peratus) dan India (13.3 peratus) boleh diberikan segmen kehendak berbeza berdasarkan polarisasi kaum.

Bagi pengundi Cina,

mungkin melihat pembangunan perumahan baharu yang mencecah harga RM400,000 di Eco Majeestic sebagai mercu tanda kehidupan serba moden dan mewah yang melatari landskap kawasan itu.

Pengundi Cina mustahil termakan sentimen isu nasional atau tempatan melainkan jentera MCA bertungkus lumus berkempen rumah ke rumah di kawasan elit tersebut. Setakat ini, rasanya belum kelihatan jentera MCA.

Bagi pengundi Melayu, mungkin melihat laungan penyatuan Melayu-Islam sebagai agenda keutamaan melebihi kehendak mengundi parti apa dan siapa calon bertanding. Kalau jentera Pas dan BN boleh bergandingan dan berusaha keras selama dua minggu, tidak mustahil majoriti pengundi Melayu boleh beralih arah.

PH juga tidaklah begitu sempurna, masakan seramai 40 penyokong dari Perak dibawa menggunakan bas berwarna biru milik Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat Addin 16, Batu Gajah semasa hari penamaan calon semalam? Tidakkah tindakan ini sebenarnya menggunakan kenderaan sekolah sebagai tujuan politik?

Sudah tentu alasan ingin meramaikan penyokong mereka kerana penduduk elit dan separa moden di Saujana Impian rata-rata tidak berminat untuk berkempen, berarak mahupun bersorak kerana bagi mereka hari minggu masa untuk anak-anak dan keluarga.

Headline	MOTORCYCLE BRIDGE		
MediaTitle	The Star		
Date	18 Feb 2019	Color	Black/white
Section	Metro	Circulation	201,943
Page No	2	Readership	605,829
Language	English	ArticleSize	23 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 585
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,755



MOTORCYCLE BRIDGE

The Petaling Jaya City Council will reopen the motorcycle bridge at Jalan Railway 1/2 until Jalan PJS 1/26 beginning Feb 19. The reopening is to allow motorists from Petaling Jaya South to use the bridge as an alternative route instead of the New Pantai Expressway-Jalan Templer. The bridge was closed since Jan 7 to facilitate works. For details, call 03-7958 4221 (MBPJ).

Headline	TAX REBATE		
MediaTitle	The Star		
Date	18 Feb 2019	Color	Black/white
Section	Metro	Circulation	201,943
Page No	2	Readership	605,829
Language	English	ArticleSize	19 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 483
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,450



TAX REBATE

The Subang Jaya Municipal Council (MPSJ) will give a RM10 rebate as an incentive to the first 30,000 who pay their 2019 assessment tax online via www.mpsj.gov.my before Feb 28. To qualify, you must register at the website as a my@MPSJ member and do not have any outstanding assessment taxes.

Headline	`Over 10,000 dengue cases recorded in Selangor until Feb 9`		
MediaTitle	The Star		
Date	18 Feb 2019	Color	Full Color
Section	Metro	Circulation	201,943
Page No	3	Readership	605,829
Language	English	ArticleSize	283 cm ²
Journalist	VIJENTHI NAIR	AdValue	RM 15,097
Frequency	Daily	PR Value	RM 45,291



'Over 10,000 dengue cases recorded in Selangor until Feb 9'



Health officers and Dr Khalid (second from left) checking stacks of plastic containers in the compound of a house.

By VIJENTHI NAIR
vijenthi@thestar.com.my

PAILS, plastic containers, tyres and vases, the usual places for water to collect and for Aedes mosquito to breed, were uncovered during a joint anti-dengue operation at Taman Bukit Teratai in Ampang.

Selangor Health director Datuk Dr Khalid Ibrahim said Saturday's operation comprised a team of 150 from his department, Hulu Langat District Health office and Ampang Jaya Municipal Council.

"As of 1pm, 221 premises were inspected, 236 were locked, and 17 looked vacant.

"However, six indoor and 10 outdoor live mosquito breeding

grounds were found," he said, adding that culprits will be compounded RM500 without appeal especially at hotspot areas.

Dr Khalid said last year, 45,349 dengue cases were recorded in Selangor, which is 56.3% of total dengue cases in the country.

"This year, there were 10,479 cases until Feb 9, which is a 204% increase compared to the same period last year.

"Death due to dengue also increased by 140%, from 41 cases this year compared to 12 last year.

"In Hulu Langat district, the number of cases increased by 216% this year until Feb 9 with three deaths, compared to one death last year," he said, adding that there were 167 localities in

Hulu Langat with dengue cases with 27 being hotspots.

"Other factors that contribute to the increasing trend of dengue cases are poor cleanliness, abuse of vacant land, illegal waste dumping, storing containers in back lanes and abandoned houses.

To put a stop to the increasing trend, Selangor Health Department launched the Selangor Gempur Aedes 2019 campaign.

Among the proactive efforts include collaborating with the district health offices and local authorities through the One Stop Crisis Centre to pool resources and logistics, to locate and destroy mosquito breeding grounds, larviciding and spreading awareness, among others.

Headline	Aiman clears the air over PhD studies		
MediaTitle	The Star		
Date	18 Feb 2019	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	201,943
Page No	6	Readership	605,829
Language	English	ArticleSize	207 cm ²
Journalist	JO TIMBUONG	AdValue	RM 11,043
Frequency	Daily	PR Value	RM 33,129



Aiman clears the air over PhD studies

By JO TIMBUONG
jo.timbuong@thestar.com.my

SEMENYIH: With the credentials of several government leaders coming under scrutiny, Pakatan Harapan candidate Muhammad Aiman Zainali is finding himself having to explain his own, two days into the campaign trail.

The 30-year-old candidate from Parti Pribumi Bersatu Malaysia cleared the air about his doctorate after discrepancies were found in his biodata and LinkedIn profile.

Campaign flyers have listed him as pursuing a PhD in electrical engineering but his LinkedIn profile

states that he had completed his studies in 2016.

"When I created the account, I had listed that I expected to graduate by 2016 but that didn't happen because I had to put my studies on hold to take care of my ill grandmother.

"By the time I could go back to pursuing it, my scholarship has expired and I had to work and do my research for my degree.

"I just forgot to update my LinkedIn account," he said, adding that he never claimed to have completed his PhD.

Aiman was speaking to reporters after visiting voters in Taman Semenyih Ria.

He has been making his rounds at the markets, hypermarkets and villages in this town along the Kajang-Seremban road highway to round up support ahead of the polling day on March 2.

Aiman said he was also disappointed to learn about the death threats received by independent candidate Kuan Chee Heng.

"It should not have happened and I hope everyone follows the rules and regulations during the campaign.

"My campaign trail has gone well so far and I've listened to many problems from voters in Semenyih," he said.



Friendly rivals: Aiman (left) and Nik Aziz Afiq in a jovial mood after meeting at the Semenyih market.

Headline	GENERATIONAL CLASH		
MediaTitle	New Straits Times		
Date	18 Feb 2019	Color	Full Color
Section	Local News	Circulation	36,278
Page No	6	Readership	108,834
Language	English	ArticleSize	474 cm ²
Journalist	Adib Povera	AdValue	RM 16,277
Frequency	Daily	PR Value	RM 48,831



FOUR-CORNERED BATTLE

GENERATIONAL CLASH

Political observers say polls a clash of ideas representing two generations



ADIB
POVERA

KUALA LUMPUR

THE drizzle had subsided when Edry Faizal Eddy Yusof, 34, delivered his speech at a ceramah, attended mostly by youth, in Taman Jenaris, Kajang, on Saturday night.

The DAP Dusun Tua assemblyman was one of three speakers at the Pentas Anak Muda Harapan ceramah.

He delivered his points on why

the 54,471 voters in Semenyih should pick Pakatan Harapan's candidate over others.

"The (former Semenyih assemblyman) late Bakhtiar Mohd Nor was seated next to me in the Selangor assembly.

"Hence, I would like to ask voters in Semenyih, especially youth, to ensure that our candidate, who is young and energetic, sits next to me in the state assembly.

"He is four years younger than me and young assemblymen are committed to voicing out the aspirations of their constituents.

"Rest assured that the welfare of constituents in Semenyih will not be neglected."

PH is banking on engineer Muhammad Aiman Zailani, 30, to retain the seat in the four-cornered contest.

The father of one, who holds a bachelor's degree in Electrical Engineering from Universiti Teknologi Mara, is Bakhtiar's son-in-law. He is Hulu Langat Parti Pribumi Bersatu Malaysia's treasurer.

His rival from Barisan Nasional is a retiree, who is 28 years his senior.

Zakaria Hanafi, 58, was an as-

sistant administration officer at Universiti Kebangsaan Malaysia before he retired in 2016.

He held numerous positions, including former Hulu Langat Umno permanent chairman, Hulu Langat district Youth Council committee member in 1995, Kampung Sesapan Kelubi Village Development and Security Committee secretary, Al-Falah Surau secretary and a member of Hulu Langat Kopel's board of directors.

"BN has a pool of winnable candidates to choose from. We picked Zakaria because he has experience working with people.

"This is the type of candidate that people in Semenyih should vote for, not someone who would feel awkward working with the community," acting BN chairman Datuk Seri Mohamad Hasan said.

The other two candidates are philanthropist Kuan Chee Heng, an independent, and Parti Sosialis Malaysia's Nik Aziz Afiq Abdul.

Political observers regard the contest in Semenyih as a clash of ideas representing two generations.

They believe PH is relying on



(From left) Nik Aziz Afiq Abdul (Parti Sosialis Malaysia), Kuan Chee Heng (independent), Muhammad Aiman Zailani (Pakatan Harapan) and Zakaria Hanafi (Barisan Nasional) after their nomination in Kajang on Saturday. BERNAMA PIC

the sentiment among young voters, which ousted BN in the 14th General Election.

Political analyst Dr Mohd Akbal Abdullah said PH was taking a risk if the coalition focused solely on young voters.

He said PH needed to realise that the sentiment among the youth had changed.

"Despite the statement made by Bank Negara Malaysia that the economy has expanded by 4.7 per cent in the last quarter of 2018, we can hear grouses from those on the ground, who feel the pinch from the global market and issues affecting the federal government.

"Some segments of the youth, from those pursuing their education to employed graduates, are not happy with the way

things are.

"I fear that support for PH will dip by 10 per cent if the coalition overlooks voters from other walks of life," said Akbal, a Universiti Tun Hussein Onn Malaysia lecturer.

PH, he said, should not ignore the strength of the BN candidate, who had experience in dealing with the people of Semenyih.

"If you look at his educational background, Zakaria completed his bachelor's degree in Science Development from UKM at the age of 40, which speaks volumes of his determination and work commitment.

"Either way, we do not know what will be the sentiment of the people in the coming days since both of them are strong and winnable candidates."

Headline	Boleh beri sumbangan, tetapi jangan berpolitik		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	18 Feb 2019	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	160,000
Page No	1,6	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	180 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,070
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,211



Boleh beri sumbangan, tetapi jangan berpolitik

SHAHALAM - Pemimpin kerajaan dibenarkan memberi sumbangan kepada masjid dan golongan asnaf tetapi tidak boleh beri ceramah atau ucapan politik.

Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Datuk Haris Kassim berkata, ia peraturan semasa yang termaktub dalam pekeliling Kerajaan Negeri Selangor, bukan dibuat kerana PRK Semenyih.

Katanya, JAIS membenarkan mana-mana pemimpin kerajaan menyampaikan sumbangan atau bantuan dengan syarat ditetapkan.

"Sebagai contoh, Menteri Besar Selangor boleh menyampaikan sumbangan baiki surau, sekolah atau masjid boleh tapi beliau tak boleh bagi ceramah atau ucapan politik," katanya, semalam.

Beliau mengulas dakwaan pengecualian diberikan kepada pemimpin parti pemerintah untuk menyampaikan sumbangan kepada masjid dan asnaf yang tular sejak ke-lmarin.

Haris bagaimanapun berkata, larangan itu dikuatkuasakan terha-



HARIS

dap pemimpin pembangkang kerana tidak mahu dikaitkan dengan cubaan berpolitik.

"Pengecualian itu juga sudah lama diamalkan sebelum PRK lagi dan memang terdapat dalam pekeliling kita. Jadi tidak sepatutnya timbul isu atau cubaan memanipulasi perkara tersebut," kata-

nya.

Setakat ini katanya, beliau dimaklumkan semua program penyampaian bantuan ditangguhkan pemimpin kerajaan sehingga selepas PRK bagi mengelakkan timbul sebarang isu.

"Namun jika ada dalam masa terdekat mungkin bantuan adhoc," katanya.

Mengenai maklumat ringkasan Taklimat JAIS berkaitan PRK Semenyih kepada nazir dan pengurusan surau yang tular di media sosial, Haris berkata, ia sekadar mengingatkan semula peraturan.

"Kita memang panggil semua nazir dan pengerusi surau untuk beritahu mereka tentang taklimat itu supaya mereka tahu apa yang boleh dan tidak boleh dibuat," katanya.

Headline	Rumah Terbuka Selangor meriah		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	18 Feb 2019	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	21	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	791 cm ²
Journalist	ASYRAF MUHAMMAD	AdValue	RM 13,493
Frequency	Daily	PR Value	RM 40,478

Rumah Terbuka Selangor meriah

Sempena sambutan perayaan Tahun Baru Cina 2019

ASYRAF MUHAMMAD

PETALING JAYA

Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan menghadiri Majlis Rumah Terbuka Sempena Perayaan Tahun Baru Cina Peringkat Negeri Selangor yang berlangsung di Dataran Petaling Jaya, kelmarin.

Keberangkatan tiba baginda diiringi Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin dan Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah Sultan Sharafuddin Idris Shah.

Di samping itu, majlis turut dihadiri Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari, exco kerajaan negeri, ketua jabatan, serta wakil-wakil kedutaan.

Bagi upacara gimik perasmian, Sultan Selangor turut berkenan untuk naik ke pentas bagi memukul gendang bersama-sama dif-dif kehormat yang hadir.

Menerusi ucapan aluan Menteri Besar, Amirudin menjunjung kasih dan merak sembah di atas perkenan Sultan Selangor untuk mencemar duli bagi menghadiri majlis sambutan berkenaan yang dihadiri lebih 11,000 tetamu.

Beliau berkata, keberangkatan baginda ke majlis itu menjadikan sambutan pada kali ini cukup meri-



Sultan Sharafuddin bersama Tengku Permaisuri Norashikin dan Tengku Amir Shah berkenan ke upacara 'Yee Sang'.

ah dan bermakna buat seluruh masyarakat di negeri ini yang terdiri daripada pelbagai lapisan kaum.

"Sambutan sebegini merupakan manifestasi kepada keutuhan perpaduan di negeri yang bertuah ini," katanya.

Dalam pada itu, Amirudin berkata, kehidupan berbilang kaum dan agama telah menjadi sebahagian daripada warisan sejarah hidup rakyat di negara ini.

Beliau berkata, walaupun terdapat pelbagai cabaran yang pernah dilalui namun majoriti rakyat di negara ini telah membuktikan bahawa perpaduan merupakan aset penting yang perlu dipelihara dan dipupuk.

"Sambutan perayaan ini juga adalah selaras dengan konsep 'Maju Bersama' di mana Kerajaan Selangor melalui pelbagai program dan inisiatif dapat turut sama memberikan manfaat kepada seluruh rakyat Selangor tanpa mengira kaum dan agama," katanya.

Di samping itu, Amirudin turut mengingatkan semua pihak dapat memainkan peranan secara kolektif berlandaskan prinsip-prinsip yang termaktub dalam Rukun Negara bagi menyemarakkan semangat kekitaan dan toleransi.

Beliau berkata, prinsip ini amat penting berikutan ia merupakan kunci kepada kestabilan dan kemak-

muran sesebuah negara mahu pun negeri.

"Saya dan pimpinan negeri juga akan memastikan Negeri Selangor

terus unggul sebagai sebuah negeri yang sentiasa maju ke hadapan dan menjadikan Selangor-The Golden State of Malaysia," katanya.

Pada pengantaraan tahun ini, Exco Pelaburan, Perindustrian & Perdagangan dan Industri Kecil & Sederhana (IKS), Datuk Teng Chang Kim dan Invest Selangor Berhad sekali lagi menjadi penganjur bagi menjayakan majlis tersebut.

Selain itu, majlis tersebut turut mendapat kerjasama daripada Setiausaha Kerajaan Selangor, Jawatankuasa Tetap Kebudayaan Negeri Selangor, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), Tourism Selangor Sdn Bhd, Hijrah Selangor dan agensi-agensi terlibat.

Pelbagai pengisian menarik disediakan bagi memeriahkan lagi sambutan antaranya tradisi penyampaian sumbangan ang pow kepada kanak-kanak berusia 12 tahun ke bawah, persembahan kebudayaan, tarian singa, Diabolo, Harmonica, koir, drum, jamuan makan serta pemberian limau kepada orang ramai.



Orang ramai tidak melepaskan peluang mendapatkan limau ketika sambutan Rumah Terbuka Tahun Baru Cina.



Sultan Sharafuddin berkenan memukul gendang bersama Tengku Amir Shah dan Amirudin ketika sambutan Rumah Terbuka Sempena Tahun Baru Cina Selangor.



Persembahan tarian singa memeriahkan lagi sambutan sambutan.

Headline	Jangan lepaskan peluang		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	18 Feb 2019	Color	Black/white
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	22	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	83 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 817
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,452



Jangan lepaskan peluang

KUALA SELANGOR – Orang ramai dijemput hadir memeriahkan Karnival Alam Sekitar dan Hari Tanah Lembap Sedunia Daerah Kuala Selangor 2019 Sabtu depan.

Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin dijangka mencemarduli merasmikan program yang dijadukan bermula jam 7.30 pagi.

Lebih menarik, program yang diadakan di Taman Alam Kuala Selangor itu turut diselitkan pelbagai aktiviti menarik untuk semua pengunjung.

Antara aktiviti yang diadakan seperti Eco free market, demonstrasi terarium selain acara untuk kanak-kanak iaitu pengembaraan kidzania,

pertandingan mewarna dan menghias kek serta mencari harta karun.

Program berkenaan adalah anjuran Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) itu dengan kerjasama kerajaan negeri, Yayasan LBS, Persatuan Pencinta Alam Malaysia dan Jabatan Perhutanan Selangor.

Headline	Usahawan muda udang kara jadi contoh		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	18 Feb 2019	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	22	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	217 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,702
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,106



Usahawan muda udang kara jadi contoh



Juwairiya (dua, kanan) melihat hasil ternakan udang kara air tawar yang diusahakan lima anak muda di Jeram Lobster Farm.

KUALA SELANGOR – Sokongan wakil rakyat setempat penting bagi membantu mengembangkan lagi perusahaan anak muda di daerah ini sekali gus menjadi ikonik perusahaan yang boleh dicontohi.

ADUN Bukit Melawati, Juwairiya Zulkifli berkata, perusahaan anak muda yang membawa nama Jeram Lobster Farm ini wajar dicontohi kerana membuka peluang pekerjaan kepada golongan itu

“Saya berpeluang melihat sendiri perusahaan udang kara air tawar yang diusahakan lima belia yang diketuai Tengku Azizul di bawah Koperasi Belia Milenia.

“Kagum dengan kesungguhan mereka mengusahakan 14 kolam ternakan udang kara air tawar ini kawasan tapak seluas 0.2 hektar sejak setahun lalu,” katanya.

Juwairiya memberitahu, pihaknya difahamkan perusahaan seumpama itu adalah yang pertama di Kuala Selangor sekali gus membuktikan usahawan muda mampu pelopori bidang yang jarang sekali disertai ini.

“Aktiviti penternakan udang kara air tawar ini bukan sahaja membuka peluang pekerjaan kepada anak muda setempat bahkan membantu menjana ekonomi rakyat secara keseluruhannya.

“Melalui hasil anggaran 150 kilogram sebulan ini difahamkan dapat memenuhi permintaan pelanggan dari Kuala Lumpur, Petaling Jaya dan kawasan tumpuan lain.

“Saya berharap perusahaan ini dapat dikembangkan lagi dan terus maju,” katanya selepas merasmikan Jeram Lobster Farm itu bersama pemimpin setempat.

Headline	Basmi kacau ganggu gagak		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	18 Feb 2019	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	22	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	361 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,158
Frequency	Daily	PR Value	RM 18,474



Basmi kacau ganggu gagak

Kaedah menembak lebih proaktif kurangkan populasi

ARZIANA MOHMAD
AZAMAN

KUALA SELANGOR

Operasi menembak gagak mampu mengurangkan kacau ganggu yang dihadapi penduduk di kawasan perumahan dan taman awam di daerah ini.

Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS), Rahilah Rahmat menjelaskan, operasi berkala bertujuan mengurangkan populasi gagak yang semakin meningkat.

Menurutnya, MDKS menerima pelbagai aduan orang



Setiasaha MDKS, Azman Dahlan (kiri) hadir mewakili Rahilah menyaksikan operasi menembak gagak.

awam mengenai pertambahan burung itu selain membabitkan faktor kebersihan dan gangguan persekitaran.

Keadaan itu turut mengakibatkan bising di kawasan awam terutama ketika pagi dan petang sekali gus dikhuatiri menyebarkan penyakit.

"Pendekatan menembak

ini terpaksa dilaksanakan demi menjaga persekitaran dan kesejahteraan orang ramai," katanya.

Menurutnya, MDKS menjalankan operasi menembak gagak di beberapa kawasan tumpuan yang disertai 24 penembak berlesen dan profesional termasuk empat pengu-



Sebanyak 1,204 gagak berjaya dibasmi dalam operasi berkala itu.

atkuasa MDKS.

"Operasi yang bermula jam 7 pagi hingga 9 malam itu berjaya membasmi 1,204 gagak. Keselamatan orang awam menjadi keutamaan kita dalam setiap operasi," katanya.

Rahilah memberitahu, kawasan yang dikenal pasti mempunyai populasi gagak

yang tinggi adalah di Padang Awam Astaka Tanjong Karang, Pusat Perniagaan Taman Bendahara, Bestari Jaya, Ijok, dan Sungai Buloh.

"Penduduk memberi maklum balas positif dan mahu operasi itu diteruskan," katanya.

Justeru katanya, MDKS

info

Kawasan populasi gagak tinggi ialah Padang Awam Astaka Tanjong Karang, Pusat Perniagaan Taman Bendahara, Bestari Jaya, Ijok, dan Sungai Buloh

akan menjalankan operasi ini secara berkala pada masa akan datang.

"Kerjasama orang ramai diperlukan supaya tidak membuang sampah di kawasan terbuka yang boleh menarik perhatian burung gagak dan sentiasa menjaga kebersihan setempat.

Menurutnya, orang ramai juga digalakkan menyalurkan aduan berkaitan perkhidmatan MDKS secara dalam talian di selangor.spab.gov.my atau hubungi 0332891439.

Headline	Tak sabar kembali berkhidmat		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	18 Feb 2019	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	24	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	171 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,917
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,751



Tak sabar kembali berkhidmat



Muslimin memuat naik status di Facebook beliau, kelmarin.

SABAK BERNAM - Ahli Parlimen Sungai Besar, Muslimin Yahaya yang selamat menjalani pembedahan jantung memaklumkan tidak sabar meneruskan khidmatnya.

Muslimin menerusi status di Facebook beliau semalam berkata, beliau tidak sabar untuk turun padang bertemu masyarakat.

Malah, katanya, keadaan kesihatannya itu juga semakin pulih.

"Alhamdulillah, terasa Semakin

Baik. Sinar jelas di hujung terowong.

"Tak sabar nak turun dan nak habiskan iddah (tempoh menunggu), April," katanya.

Muslimin pada 4 Februari lalu, dibenarkan keluar dari sebuah hospital di negeri ini, selepas menjalani pembedahan jantung.

Keadaan kesihatan Muslimin sebelum ini dilaporkan semakin pulih dan dibawa ke sebuah pusat kesihatan di ibu negara.

Headline	Pejabat isytihar ikan ditutup		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	18 Feb 2019	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	24	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	390 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,653
Frequency	Daily	PR Value	RM 19,958



Pejabat isytihar ikan ditutup

Nelayan Sungai Haji Dorani gusar terpaksa berurusan di lokasi lebih jauh

MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR

SUNGAI HAJI DORANI

Nelayan pesisir pantai di kampung ini gusar apabila operasi pejabat pengisytiharan pendaratan ikan di jeti itu ditamatkan berkuat kuasa 1 Mac depan.

Nelayan, Razali Ramli, 46, berkata, penamatan operasi itu menyukarkan nelayan yang terpaksa berurusan di dua pejabat yang lebih jauh.

"Susahlah kami nak isytihar pendaratan ikan. Terpaksa menempuh jarak perjalanan 4 kilometer (km) ke



Razali menunjukkan notis pemakluman mengenai penutupan operasi pejabat berkenaan.

Sungai Besar dan 8km ke Sungai Nibong," katanya kepada Sinar Harian.

Razali berkata, kebiasaannya selepas pulang dari laut, nelayan terus ke pejabat di jeti itu untuk mengisytiharkan jumlah pendaratan ikan

masing-masing.

"Pejabat ini akan merekod semua maklumat pendaratan ikan bagi pemilik bot menikmati skim minyak subsidi yang hanya digunakan untuk aktiviti menangkap ikan," katanya.

Mohd Said Abdullah, 52, berkata, nelayan terbeban dengan pelbagai masalah menghantui mereka, sejak akhir-akhir ini.

"Sudahlah elaun sara hidup kami dipotong RM100 dan sebahagian lagi tak teri-

ma elaun sejak Disember, kini pusat operasi pendaratan pula nak ditutup.

"Tolonglah bantu kami dan janganlah dibebankan nelayan dengan pelbagai dasar yang menyusahkan," katanya.

info

Nelayan dakwa perlu bergerak 4km ke Sungai Besar dan 8km ke Sungai Nibong

Katanya, pusat pendaratan ikan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) di kampung itu memberi kemudahan kepada lebih 150 nelayan di jeti berkenaan.

"Saya pelik kenapa pusat operasi ini nak ditutup, sedangkan bertahun lamanya beri kemudahan kepada nelayan pesisir pantai.

"Kita juga kluatir jika semua nelayan tertumpu di pusat isytihar di Sungai Besar dan Sungai Nibong beri kesesakan di dua tempat itu. Ini termasuk kemungkinan jika sistem internet tergendala hingga memaksa kami ke pusat isytihar lebih jauh," katanya.